



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI ADALAH TERTAKLUK
KEPADA PEMATUHAN SOP YANG DITETAPKAN**

28 Oktober 2021, Putrajaya – Bersempena dengan Perayaan Deepavali yang akan disambut oleh masyarakat India di negara ini pada 4 November 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik Bilangan 60 Tahun 2021 (Siri 122) telah meluluskan Prosedur Operasi Standard (SOP) Sambutan Perayaan Deepavali dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara berfasa.

2. Mesyuarat menetapkan SOP Sambutan Perayaan Deepavali **di Rumah Ibadat Selain Islam** dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Secara Berfasa adalah seperti berikut:

A) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3

- i. Aktiviti keagamaan dan sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam dibenarkan hanya melibatkan **penerima vaksin lengkap** sahaja dengan had kehadiran **tertakluk kepada saiz ruang sembahyang** Rumah Ibadat Selain Islam serta mengambilkira penjarakan fizikal tidak kurang daripada 1 meter.
- ii. Tempoh waktu aktiviti keagamaan dan sembahyang dibenarkan seperti berikut:
 - **Jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang**
 - **Jam 4.00 petang hingga 10.00 malam**

- iii. Pemberian makan dibenarkan secara berbungkus (*packed food*) sahaja dan makan di rumah ibadat (*Dine in*) tidak dibenarkan.

B) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4

- i. Aktiviti keagamaan dan sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam **dibenarkan hanya melibatkan penerima vaksin lengkap** sahaja dengan had kehadiran **tertakluk kepada saiz ruang sembahyang** Rumah Ibadat Selain Islam serta mengambilkira penjarakan fizikal tidak kurang daripada 1 meter.
 - ii. Aktiviti keagamaan dan sembahyang **dibenarkan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan di Rumah Ibadat Selain Islam.**
 - iii. Pemberian makan **dibenarkan secara berbungkus (*packed food*)** sahaja dan makan di rumah ibadat (*Dine in*) tidak dibenarkan.
3. Manakala **aktiviti umum** sempena Sambutan Perayaan Deepavali tertakluk kepada syarat-syarat nyata berikut:
- a) Aktiviti **perarakan adalah tidak dibenarkan.**
 - b) **Bazar Jualan Deepavali dibenarkan** tertakluk kepada kelulusan dan kawalan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - c) **Aktiviti berkunjung ke rumah keluarga dibenarkan** hanya untuk penerima vaksin lengkap sahaja selaras dengan kebenaran rentas negeri.

- d) **Aktiviti ziarah kubur dibenarkan** untuk penerima vaksin lengkap sahaja mengikut SOP Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara secara berfasa.

4. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique juga menyeru masyarakat India di Malaysia untuk menyambut Perayaan Deepavali ini dalam norma baharu, sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan, memakai pelitup muka, menjaga kebersihan diri, dan memastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantai COVID-19 di Malaysia.

5. Semoga Sambutan Perayaan Deepavali pada tahun ini akan membawa sinar kebahagiaan dan kesihatan untuk semua pada masa hadapan.

Kementerian Perpaduan Negara

28 Oktober 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (99)